

105596

**Norhalim Ibrahim. Perkahwinan adat di Negeri Sembilan.
Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1966.**

PERKAHWINAN merupakan suatu yang dituntut oleh agama. Upacara perkahwinan mengandungi dua aspek, iaitu keagamaan dan kebudayaan. Pelaksanaan aspek keagamaan ini adalah hampir serupa di kalangan masyarakat yang menganut kepercayaan yang sama. Perbezaan pelaksanaan aspek keagamaan ini adalah berdasarkan agama yang dianuti. Aspek kebudayaan dalam upacara perkahwinan adalah bahagian yang merealisasikan adat istiadat masyarakat yang melaksanakannya. Ia juga yang membezakan kebudayaan sesebuah masyarakat dengan masyarakat yang lain.

Istiadat perkahwinan yang dijalankan oleh pengamal adat perpatih agak berbeza dengan negeri-negeri Melayu lain di Malaysia. Istiadatnya adalah unik dan di sebalik keunikannya itu tersirat falsafah adatnya. Apa yang pasti istiadat tersebut amat simbolik dan harmonis.

Daripada huraian tentang adat istiadat perkahwinan dan aspek-aspek lain yang berkaitan jelaslah bahawa ia dijalankan secara amat tersusun, cantik dan halus. Setiap langkah yang diatur dilakukan dengan penuh adat, tertib dan sopan santun serta dengan budi pekerti dan bahasa yang tinggi.

Setiap upacara yang diadakan di sepanjang proses adat istiadat semenda-menyemenda ini seolah-olah suatu majlis berbalas puisi—pantun dan perbilangan. Setiap maksud yang hendak disampaikan disalurkan melalui puisi berkenaan. Maksud hati setiap pihak tidak disampaikan secara terbuka, langsung dan kasar tetapi melalui perlambangan, bunga bahasa, bahasa rendah dan berlapik. Dengan kata lain, penyampaian maksud hampir dalam keseluruhan upacara olek dan upacara lain yang berkaitan adalah amat puitis dan simbolik. Ini secara tidak langsung menunjukkan betapa halusnyanya seni budaya adat masyarakat yang mengamalkannya.

Setiap peraturan dan adat istiadat perkahwinan dalam adat perpatih menampakkan peribadi masyarakatnya. Dalam masyarakat yang mengamalkan sistem bersuku ini terdapat nilai muafakat dan sefahaman dalam melakukan sesuatu. Hanya dengan muafakat baharulah dapat suatu kebulatan fahaman dan tercapai pula suatu persetujuan tentang sesuatu perkara dan pekerjaan. Dalam institusi perkahwinan adat konsep dan nilai muafakat, kebulatan serta persefahaman ini sungguh ketara. Ini adalah

sendi dalam membuat sesuatu keputusan atau kerja. Misalnya dalam istiadat risik, keputusan sama ada menerima atau menolak *cincin tanya* hanya tercapai setelah dimuafakatkan dan memperolehi kebulatan di antara semua ahli keluarga terdekat. Dalam menentukan tarikh dan hari dilangsungkan, pembahagian tugas dan tenaga kerja untuk melaksanakan olek serta jenis olek perkahwinan antara teruna dan dara yang telah diikat dengan *cincin tanya* itu juga memerlukan muafakat dan kebulatan antara kedua-dua belah pihak yang berkenaan.

Muafakat dan kebulatan dalam masyarakat adat ini adalah pokok atau asas sebarang keputusan tentang sebarang aktiviti masyarakat, sebagaimana kata adat:

bulat air kerana gopong,
bulat kata kerana muafakat.

Lebih jauh lagi, muafakat itu boleh merubah peraturan yang telah menjadi darah daging adat seperti tempat tinggal selepas berkahwin. Dengan muafakat yang menghasilkan kebulatan peraturan tempat tinggal matrilokal/ uxorilokal boleh diubah kepada peraturan patrilokal. Perubahan dan penyesuaian juga boleh berlaku dalam aspek pembahagian harta selepas berlaku perceraian. Tegasnya, adat perpatih adalah sangat fleksibel dalam aspek-aspek tertentu terutama yang berkaitan dengan kemanusiaan. Ini jelas dinyatakan dalam kata adat:

ibu adat itu muafakat:
usang-usang diperbaharui,
yang lapuk disokong,
yang elok dipakai,
yang buruk dibuang;
alah adat dek muafakat.

Dalam upacara perkahwinan sanak saudara pengantin, jauh dan dekat, dengan penuh kerelaan menghulurkan bantuan sama ada berupa kebendaan mahupun tenaga, daripada peringkat awal sehingga akhir adat istiadat itu. Contohnya sanak saudara pengantin akan mengadakan segala keperluan bagi kegunaan majlis perkahwinan termasuk membaik pulih rumah dan kawasan. Bagi mereka yang tidak mampu memberi wang akan membawa barang-barang lain seperti tepung, gula, beras, minyak masak, telur ayam malahan memberi ternakan seperti kambing dan sebagainya. Pendeknya setiap ahli kelompok kekeluargaan akan memberi sumbangan mengikut kadar kemampuan masing-masing. Di samping itu setiap anggota kelompok kekeluargaan juga akan menolong dengan tenaga kerja mereka. Ini secara tidak langsung menanamkan kepada generasi muda dan meneguhkan lagi kepada generasi dewasa dan tua bahawa anggota sesuatu suku, perut, ruang dan terutama sekali rumpun adalah:

beranak bersaudara,
adik-beradik,
dekat rumah dekat kampung,
sehalaman sepermainan,
seperigi sepermendian,
segayung sepergiliran.

Di samping itu, konsep bermuafakat dan kebulatan ini juga telah mewujudkan nilai dan sifat kerjasama, gotong royong, tolong-menolong, senaya dan bantu-membantu di antara ahli dalam masyarakat adat. Dalam melaksanakan adat istiadat perkahwinan nilai dan sifat bekerjasama serta bergotong royong ini diamalkan secara sepenuhnya, dan menjadi teras kepada kejayaan olek tersebut.

Konsep muafakat dan kebulatan serta semangat yang berikut daripadanya (nilai dan sifat kerjasama dan gotong royong) telah dijadikan peraturan harian yang harus dilakukan dan dipatuhi oleh anggota masyarakat ini. Setiap anggota, tanpa pengecualian kerana adat tidak memungkinkannya, adalah bertanggungjawab atas kejayaan keseluruhan majlis atau upacara serta aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan. Setiap orang harus bersama dengan yang lain menggunakan kebolehan dan kelebihan serta kekurangan masing-masing untuk mencapai tujuan bersama. Kejayaan sesuatu majlis atau kegiatan bukannya kejayaan individu atau sekumpulan orang tertentu tetapi adalah kejayaan keseluruhan kelompok kekeluargaan. Oleh sebab itu bagi masyarakat ini tidak ada yang berat atau susah kerana sebarang masalah atau halangan akan diatasi secara bersama demi kepentingan bersama.

Keadaan bekerjasama yang sedemikian jelas tergambar dalam upacara perkahwinan di Negeri Sembilan. Semasa upacara ini, dari peringkat awal sehingga akhir, setiap anggota kelompok kekeluargaan, orang semenda dan juga pembesar adat akan berganding bahu menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Tugas yang mereka laksanakan adalah berangkai, berhubung kait, teratur serta berkordinasi antara satu dengan lain. Jika dilihat secara menyeluruh ia merupakan suatu organisasi istiadat semenda menyemenda yang mantap.

Sifat atau semangat tolong-menolong dan kerjasama yang terhasil daripada kebulatan muafakat seluruh ahli dalam mengadakan upacara perkahwinan ini secara tidak langsung memberikan suatu ilustrasi tentang masyarakat adat berkenaan, iaitu suatu masyarakat yang kuat dan kukuh dengan nilai persatuan dan kesatuan serta kesepaduannya. Nilai ini terhasil akibat daripada kukuhnya ikatan kekeluargaannya, baik dari segi darah mahupun perkahwinan. Secara tidak langsung, sikap dan semangat serta nilai yang diamalkan dalam majlis seperti ini merapatkan ahli-ahli yang 'telah renggang' dan mengeratkan lagi ahli-ahli yang telah sedia rapat hubungannya. Dengan demikian sikap penyayang yang sememang

ada di kalangan ahli keluarga serumpun berkembang kepada kelompok kekeluargaan yang lebih luas—ruang, perut dan suku. Akhirnya sikap ini merebak ke tahap masyarakat seluruhnya.

Istiadat menarik jejak dan menyalang ke rumah saudara mara di kedua-dua belah pihak selepas hari langsung membawa pengertian bahawa dalam masyarakat adat perpatih perkahwinan bukan bererti hanya melibatkan pasangan yang berkenaan tetapi seluruh kelompok kekeluargaan masing-masing. Perbuatan tersebut berserta dengan perbuatan memberi balasan atas persembahan *boko* pula menunjukkan penerimaan dan pemberian 'bantuan' awal terhadap pasangan baru berkenaan. Persembahan dan balasan ini juga adalah 'pembukaan pintu' oleh ahli-ahli lain dalam kelompok kekeluargaan terhadap kehadiran orang semenda baru di kalangan kelompok mereka. Selanjutnya, perbuatan itu secara tidak langsung adalah pernyataan kerelaan mereka memberi dan menerima 'bantuan' pada masa-masa mendatang, jika diperlukan.

Institusi perkahwinan berserta dengan adat istiadatnya memaklumkan kepada dan menimbulkan dalam diri pasangan baru itu bahawa masyarakat luas (dewasa) yang mereka masuki itu adalah masyarakat yang kuat semangat perpaduan dan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Atur cara pelaksanaan institusi perkahwinan itu adalah suatu insiasi dan pensosialisasian praktikal kepada pasangan baru tentang tatacara kehidupan 'alam dewasa' masyarakat di mana mereka akan menjadi sebahagian daripadanya. Pasangan baru berkenaan harus akur kepada suasana dan keadaan masyarakat 'baru'nya itu yang jelas dibayangkan dalam perbilangan:

Adat bersaudara:
saudara dipertahankan;
adat berkampung:
kampung dipertahankan,
adat bersuku:
suku dipertahankan;
adat bernegeri:
negeri dipertahankan.

Hidup bersuku-suku,
dekat rumah dekat kampung,
pinta-meminta, seraya menyeraya,
sehalaman sepermainan,
sejamban seperulangan,
seperigi sepermandian,
segayung sepegiliran.

Godang (besar) sama godang,
kecil sama kecil,
ke lurah sama dituruni,

ke bukit sama didaki;
 terjun sama basah,
 melompat sama patah;
 cicir sama rugi,
 dapat sama laba;
 tertangkap sama makan tanah,
 terlentang sama minum embun,
 terapung sama hanyut.
 Serumpun bak serai,
 seikat bak lidi,
 sekabit bak sirih,
 setali bak nyiur,
 sebungkus bak nasi,
 sekuncang bak kuah;
 berlapis bak sawah.
 Seciuk bak ayam,
 sedancing bak besi,
 seikat bak lembing;
 kok mudik serentak galah,
 kok hilir setungkal dayung;
 sekata lahir jo batin,
 sesuai mulut jo hati.

Kok besar jangan melanda,
 kok cerdik jangan menipu,
 kok cerdik teman berunding,
 kok kaya tempat bertinggang,
 kok bodoh disuruh arah;
 kok patah penunggu jemuran,
 kok buta penghembus lesung,
 kok lumpuh penghuni rumah,
 kok pekak mencucuh meriam,
 kok berani buat kepala lawan.
 Kok khabar baik, diberitahu;
 kok khabar buruk, serentak didatangi;
 kok jauh, ingat mengingat;
 kok dekat, temu-menemui.

Adat bersaudara, saudara dipertahankan;
 ibarat telur sesangkar:
 pecah sebiji, pecah semua;
 hina seorang, hina sesuku.
 Malu tak dapat diagih,
 suku tak dapat dianjak; dan sebagainya.

Perkahwinan dalam masyarakat adat perpatih, seperti juga dalam masyarakat lain adalah penting. Kepentingan ini, dalam adat perpatih terutama sekali terletak pada suku isteri. Kekuatan sesuatu suku itu bergantung

kepada bertambahnya keahlian dan harta suku. Keahlian diperolehi melalui dua proses, iaitu kelahiran dan kadim (mengambil anak angkat). Jumlah pengkadiman adalah minimum, malahan sesetengah luak proses ini telah pun diharamkan. Pilihan utama untuk pertambahan ahli suku adalah melalui kelahiran. Dengan demikian, upacara perkahwinan itu dilihat bukan hanya sebagai penggabungan dua buah keluarga (rumpun dan ruang, perut dan suku) tetapi dengan harapan pasangan itu menambah lagi anggota kelompok kekeluargaan isteri. Dengan bertambahnya keahlian bermakna, kelompok kekeluargaan rumpun menjadi banyak, kelompok ruang akan bertambah dan keahlian dalam suku menjadi lebih ramai.

Keramaian ahli (kuantiti) sahaja tidak memberi makna kepada kelompok kekeluargaan. Untuk menyeimbangkan kedudukan sesuatu suku dengan yang lain, harta atau kekayaan suku juga perlu bertambah. Institusi perkahwinan adalah salah satu cara memperbanyakkan harta daripada luar masuk ke dalam suku. Orang semenda baru boleh mendatangkan kekayaan kepada suku isterinya melalui sekurang-kurangnya dua cara utama yang berikut:

1. Kehadiran orang semenda baru bermakna bertambah tenaga kerja bagi suku isteri. Beliau boleh membantu meningkatkan daya pengeluaran hasil pengerjaan ke atas harta (tanah) yang sedia ada. Justeru itu meningkatkan dan/atau memperbanyakkan serta mempelbagai pendapatan kelompok kekeluargaan isteri.
2. Kedatangan orang semenda baru memungkinkan perolehan 'harta carian'. Hasil pengerjaan ke atas harta 'bawaan' dan/atau harta 'dapat-an' pasangan berkenaan mungkin boleh 'menebus' atau 'meneroka' harta (tanah) baru. Justeru itu harta 'ompokan' dalam bentuk harta carian suku isteri akan bertambah.

Jadi, dalam keadaan unggul orang semenda mempunyai hubungan harapan dengan orang tempat semenda. Beliau, bukan sahaja diharap menghasilkan zuriat tetapi juga berkhidmat kepada orang tempat semendanya. Orang semenda yang memenuhi harapan inilah yang terjumlah dalam kategori *orang semenda atas tempat semenda*.

Satu lagi aspek yang diharapkan melalui institusi perkahwinan ini ialah untuk mewujudkan perhubungan antara kelompok-kelompok (rumpun, ruang, perut dan suku) kekeluargaan. Sebagai dinyatakan, perkahwinan di kalangan masyarakat adat perpatih bukan hanya setakat mengadakan perhubungan antara dua individu yang berlainan jantina (kehendak biologi manusia) tetapi juga perhubungan antara dua kelompok kekeluargaan yang luas. Daripada perhubungan yang terjalin itu akan wujud pula kerjasama di antara dua buah kelompok kekeluargaan, daripada peringkat rumpun membawa ke peringkat suku. Selanjutnya, perhubungan antara dua orang itu adalah diharapkan oleh adat sebagai langkah permulaan untuk kesuburan sesuatu suku.

PERUBAHAN INSTITUSI PERKAHWINAN

Perubahan, sama ada membawa kemajuan atau sebaliknya, tidak dapat disekat daripada berlaku. Adat perpatih adalah adat dinamik. Ia hidup, tidak kaku, beku atau mati. Adat perpatih, hampir dalam semua aspeknya mempunyai daya luntur yang cukup untuk menyesuaikan diri dengan keadaan masa dan persekitaran. Kedinamikan dan kebolehlunturnya ini diperjelaskan dalam perbilangan:

sekali air bah,
 sekali musim berubah;
 sekali raja mangkat,
 sekali adat beralih;
 sekali tahun beredar,
 sekali musim bertukar.

Adat dipakai, baru;
 kain dipakai, usang;
 bercupak sepanjang buluh,
 beradat sepanjang jalan;
 usang-usang diperbaharui,
 lapuk-lapuk dikajangi;
 nan elok dipakai,
 nan buruk dibuang;
 kok singkat diulas,
 kok panjang dikerat;
 kok melebihi jangan melampau,
 kok mengurangi jangan sia-sia.

Dalam rangkaian pepatah-petiti dalam perbilangan di atas, jelas bahawa adat perpatih di Negeri Sembilan tidak kaku dan akan berterusan. Adat perpatih mengikut segala perkembangan dan tuntutan sebagaimana yang diterangkan dalam perbilangan di atas. Kesimpulan yang demikian dapat pula diperiksa pada pendirian dalam peraturan adat perpatih seperti yang dinyatakan dalam enam baris awal perbilangan di atas, iaitu: *sekali air bah, sekali musim berubah* sehingga ke bait *sekali tahun beredar, sekali musim bertukar*.

Sesuai dengan perbilangan tersebut, adat perpatih Negeri Sembilan telah seiring dengan pergerakan masa yang menukar musim-musim kehidupan ahlinya—daripada zaman Melayu tradisi, membawa kepada penjajahan (Portugis, Belanda dan yang paling berpengaruh Inggeris), lantas kepada zaman kemerdekaan. Kini adat ini telah bercampur baur dengan 'budaya moden' hari ini. Adat perpatih Negeri Sembilan kini, dalam banyak aspek dan berdasarkan keadaan telah ditukar ganti dengan budaya luar.

Institusi dan adat istiadat perkahwinan masyarakat Negeri Sembilan

adalah salah satu daripada aspek adat perpatih yang telah dilanda oleh taufan perubahan ini.

Istiadat perkahwinan 'masyarakat adat perpatih' di Negeri Sembilan hari ini tidak lagi menampakkan kelainan yang jelas apabila dibandingkan dengan masyarakat Melayu lain. Misalnya, atur cara, langkah serta tahap sama ada telah diperingkaskan, diubah suai atau diketepikan terus. Istiadat merisik, menghantar 'cincin tanya' dan kadangkala proses pinang-meminang, misalnya sudah tidak diamalkan lagi. Peralatan seperti nasi besar (nasi panca), tetapak, alat kebesaran adat malahan tepak sirih atau tepak peminangan jarang sekali digunakan dalam istiadat perkahwinan hari ini. Generasi muda hari ini ramai yang tidak mengenali apatah lagi melihat peralatan-peralatan tersebut dan peralatan lain seperti tabir langit-langit, tabir lingkungan (tabir layar), gunting-gunting atau kain ampaian.

Sebaliknya pula, beberapa aspek dan peralatan baru telah dimasukkan dan dijadikan sebahagian daripada istiadat perkahwinan di Negeri Sembilan. Peraturan yang baru adalah wang hantaran (wang belanja atau wang hangus), barang-barang hantaran (iringan) yang berdulang-dulang, pakaian sepersalinan serta alat solek-menyolek. Satu lagi pembaharuan adalah penggunaan sirih junjung yang mungkin bertujuan menggantikan peranan dan fungsi tepak sirih terutama dalam atur cara menghantar pengantin.

Penggunaan kata-kata puitis—pantun dan perbilangan dalam hampir kesetruhan upacara berkenaan jarang diamalkan. Setiap istiadat tidak lagi menampakkan keunggulan penggunaan kata-kata perbilangan adat. Ada juga majlis perkahwinan yang cuba menggunakan bahasa berirama tersebut namun penggunaannya adalah paling minimum dan dalam upacara berkenaan kata-kata yang sering digunakan adalah:

'Kita buatlah selenggok dua,
bak kata nan tua:
kalau hendak digantang tiga gantang,
kalau hendak diikat tiga ikat,
bersama dengan sarang tempua,
letak mari di bawah kawah;
perkara adat dibentang, panjang
elok digulung biar singkat,
bak kata orang tua,
sebak daun ambil buah.

Penggunaan yang paling minimum kata-kata perbilangan ini mungkin disebabkan oleh generasi kini, terutama generasi muda tidak lagi mahir dalam soal-soal tersebut. Ketidaktahiran ini mungkin disebabkan oleh dua faktor utama di samping perubahan sikap dan nilai masyarakat kini terhadap penggunaan 'bunga bahasa' dalam kehidupan sehari-harian. Dua faktor tersebut adalah seperti berikut:

1. Pembelajaran dan pengajaran (jika ada) perbilangan adalah secara lisan, iaitu dari mulut ke mulut dan daripada generasi kepada generasi. Kaedah ini apabila telah berlaku berdekad-dekad malahan berabad akan terhakis juga.
2. Tidak ada percubaan untuk mengumpulkannya dan kemudian merekodkannya agar kekal menjadi tatapan dan kegunaan generasi yang akan datang.

Satu lagi perubahan yang ketara adalah dari segi nilai dan sikap masyarakat terhadap keseluruhan institusi perkahwinan itu. Masyarakat adat di kebanyakan tempat di Negeri Sembilan hari ini tidak lagi mengamalkan istiadat *berkampung*. Berikutan dengan kehilangan aspek ini sanak saudara, malahan di sesetengah tempat termasuk saudara sekadim tidak lagi terlibat dalam sesuatu majlis perkahwinan. Perbilangan adat yang berbunyi:

hilang dicari,
cicir dipungut,
jauh dijemput,
dekat dikampung.

Adat ini tidak dipraktikkan lagi. Dengan demikian, jamuan, persediaan, pengubahsuaian kawasan dan rumah serta perkara-perkara lain yang berkaitan tidak lagi diserayakan, digotong royong atau dibuat secara bekerjasama. Kesemua persediaan, dari awal sehingga akhir adalah ditanggung oleh tuan rumah atau orang yang punya olek. Mungkin, akibat daripada keadaan ini berserta sebab-sebab lain, upacara perkahwinan hari ini adalah agak ringkas jika dibandingkan dengan istiadat cara lama.

Sehubungan dengan kehilangan aspek muafakat dan kebulatan ini ialah kemerosotan dan akhirnya kehilangan semangat gotong royong, kerjasama dan menyeraya. Berikutan dengan kehilangan semangat tersebut masyarakat adat perpatih hari ini tidak lagi bersifat komunalistik dan keharmonian zaman lampau tidak lagi wujud. Sebaliknya timbul pula sikap individualistik. Ketidakhadiran mana-mana ahli keluarga, baik dekat ataupun jauh tidak menimbulkan masalah, tidak mengganggu kelancaran majlis malahan tidak menjadi kerugian. Ada pihak menyatakan bahawa ketidakhadiran mereka itu ada baiknya: 'elok boreh tak habis' atau 'kok datang pun menghabiskan boreh saja'.

Tujuan utama mengadakan majlis perkahwinan hari ini agak berbeza daripada zaman lampau. Jika dahulu apa yang dipentingkan adalah pesta untuk sanak saudara. Kepada mereka yang telah lama berpisah kerana duduk berjauhan di pesta inilah mereka bertemu dan bernesra semula. Bagi mereka yang telah renggang hubungan atas sebab-sebab tertentu di pesta inilah perhubungan itu dibaikpulihkan serta dimesrakan kembali. Pendek kata keseluruhan institusi perkahwinan itu adalah dilaksanakan oleh ke-

luarga untuk keluarga dan demi keluarga. Sebaliknya hari ini, kebanyakan upacara perkahwinan adalah pesta untuk menunjuk dan menonjolkan diri. Yang dipentingkan adalah 'tetamu'nya berdasarkan status dan kedudukan sosial dan/atau politik di peringkat setempat, daerah dan seterusnya.

Seurutan dengan ini, perkahwinan kini tidak memungkinkan pasangan baru itu mengenali keseluruhan sanak saudara daripada kedua-dua belah pihak. Keadaan ini disebabkan pasangan baru 'terpaksa' meninggalkan kampung secepat mungkin selepas upacara perkahwinan selesai. Akibatnya lingkungan ahli keluarga yang dikenali adalah terhad; dan berkemungkinan besar pernyataan yang mengatakan 'telah berlaga batang hidung pun tidak kenal saudara sendiri' akan menjadi kenyataan.

Akibat daripada perubahan dan keadaan ini keharmonian di kalangan ahli keluarga dan kelompok kekeluargaan semakin larut. Secara langsung ia akan menghapuskan keharmonian di kalangan anggota kelompok kekeluargaan yang lebih luas dan selanjutnya ke peringkat masyarakat.

Bibliografi

BUKU

- Abdul Rahman Haji Mohammad, *Dasar-dasar Adat Perpatih*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
- Abdullah Sidik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
- de Josselin de Jong, P.E., *Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio-political Structure in Indonesia*, Martinus Nijhoff, The Hague, 1952.
- de Moubray, G.A. de C., *Matriarchy in the Malay Peninsular and Neighbouring Countries*, George Routledge & Sons, London, 1931.
- Ibrahim Atin, *Perbilangan Adat*, Sinaran Brothers Press, Pulau Pinang, 1959.
- Jamaluddin Abdullah, *Adat Perpatih*, Geliga, Singapura, 1959.
- Lewis, K.D., *The Minangkabau Malays of Negeri Sembilan: A Study of Socio-Cultural Change*, Xerox University Microfilm, Ann Arbor, Michigan, 1962.
- Mohd. Din Ali, *Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu, Penggal 1*, The Economy Printers Ltd., Kuala Lumpur, 1956.
- _____, *Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu, Penggal 2*, The Economy Printers Ltd., Kuala Lumpur, 1957.
- Mokhtar Mohd. Dom, *Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Melayu*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1977.
- Nathan, J.E., dan R.O. Winstedt, 'Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi: Their history and constitution', *Papers on Malay Subjects*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
- Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, 1976.
- Norhalim Haji Ibrahim, 'A brief introduction to Adat Perpatih', dalam Nellie S.L. Tan-Wong dan Vipin Patel (eds.), *Adat Perpatih: A Matrilineal System in Negeri Sembilan*, Winstrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1992.
- _____, 'Vanishing culture of Adat Perpatih', dalam Nellie S.L. Tan-Wong dan Vipin Patel (eds.), *Adat Perpatih: A Matrilineal System in Negeri Sembilan*, dalam Nellie S.L. Tan-Wong dan Vipin Patel (eds.), Winstrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1992.
- _____, 'Social structure and organisation of Negeri Sembilan Malaysia', dalam Nellie S.L. Tan-Wong dan Vipin Patel (eds.), *Adat Perpatih: A Matrilineal System in Negeri Sembilan*, Winstrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1992.
- Swift, M.G., *Malay Peasant Society in Jelebu*, The Athlone Press, London, 1965.